

Rujukan: UNIMAS/PEND/01-104 Jilid 5 (9)



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

**PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 5 TAHUN 2023**

Pejabat Pendaftar
Tarikh: **15 Jun 2023**

Disalinkan kepada:

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Penolong Naib Canselor (Kepimpinan dan Pembangunan)
- Ketua-Ketua PTj

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 5 TAHUN 2023

**KEMUDAHAN PEMERIKSAAN KESIHATAN MENYELURUH
TABUNG UNIMAS CARE**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf UNIMAS berhubung Kemudahan Pemeriksaan Kesihatan Menyeluruh Tabung UNIMAS Care.

Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia Bil. 3/2023 Ke-64 bertarikh 14 April 2023 telah bersetuju meluluskan terma dan syarat permohonan untuk staf UNIMAS yang merupakan pencharum Tabung UNIMAS Care berumur 40 tahun ke atas menggunakan kemudahan pemeriksaan kesihatan secara menyeluruh di Pusat Kesihatan UNIMAS/Hospital Pengajar UNIMAS.

Kemudahan ini merupakan satu insentif yang diperkenalkan dalam Amanat Naib Canselor Tahun 2023 bertujuan menggalakkan staf UNIMAS terutamanya golongan yang berumur 40 tahun ke atas untuk menjalani saringan kesihatan dan mengekalkan gaya hidup sihat semasa berkhidmat di UNIMAS. Kemudahan ini juga diperkenalkan bagi memperluaskan fungsi Tabung UNIMAS Care sekali gus menggalakkan penyertaan lebih ramai staf sebagai pencharum.

Perincian terma dan syarat permohonan boleh dirujuk pada lampiran yang disertakan. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Mei 2023.

**KEMUDAHAN PEMERIKSAAN KESIHATAN MENYELURUH
TABUNG UNIMAS CARE**

1. Kelayakan

- i. Kemudahan pemeriksaan kesihatan ini hanya **layak untuk PENCARUM sahaja**. Ibu/Bapa/Penjaga/Anak Kandung/Anak Tiri/Anak Angkat bawah tanggungan staf tidak layak menggunakan kemudahan ini;
- ii. Staf warganegara Malaysia berstatus tetap atau kontrak yang telah **mencarum dalam Tabung UNIMAS Care melebihi enam (6) bulan** dari tempoh permohonan pemeriksaan kesihatan;
- iii. PENCARUM hanya layak menggunakan kemudahan pemeriksaan kesihatan menyeluruh tersebut **sekali sahaja dalam tempoh dua (2) tahun** pada kadar RM300.00;
- iv. Pemeriksaan kesihatan menyeluruh **HANYA dilaksanakan di Pusat Kesihatan UNIMAS/Hospital Pengajar Universiti**;
- v. Staf yang telah bersara tetapi masih berkhidmat secara kontrak di UNIMAS digalakkan mencarum untuk Tabung UNIMAS Care dan layak menerima faedah yang sama; dan
- vi. Pemeriksaan perubatan yang layak adalah seperti berikut:

| Jenis Ujian | Catatan | |
|----------------------|--|--|
| Ujian Darah | Renal Profile Full Blood Count Liver Profile Diabetic Screening Lipid Studies URINE FEME Blood Grouping Hepatitis B Screening | Thyroid Function Test Rheumatic Factor Alpha Feto Protein Hepatitis A Antibody CEA, HIV 1 & II PSA (Prostate Cancer Test) CA125 (tumor marker-Ovarian Test) |
| Echocardiogram (ECG) | - | |
| Chest X-Ray | - | |

Rawatan susulan tidak termasuk dalam **Kemudahan Pemeriksaan Kesihatan Menyeluruh Tabung UNIMAS Care**.

2. Kaedah Permohonan

Staf yang ingin menggunakan kemudahan ini hendaklah mendapatkan borang permohonan serta kelulusan Bahagian Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar.

Sekian, terima kasih.



Haji Azlan bin Ramli

Pendaftar

Universiti Malaysia Sarawak